



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1959 > January > 19 > Page 1 > DAHULU 'KAMPONG TINGGAL' TAPI SEKARANG KEMBALI MER...



DAHULU 'KAMPONG TINGGAL' TAPI SEKARANG KEMBALI MERIAH

Berita Harian, 19 January 1959, Page 1

Share

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

DAHULU 'KAMPONG TINGGAL' TAPI SEKARANG KEMBALI MERIAH

Abdullah Ahmad

A LA LUMPUR,
had. — Jenderam,
ah kampung Me-
di-negeri Sela-
yang sa-lama de-
tahun merupa-
"kampong tinggal"
na tidak ada pen-
k2, hari ini ada-
kampong y a n g
pira.

ab-nya: Tiap2 satu
420 keluarga kam-
tersebut akan me-
sa-banyak \$250
ada Lembaga Lot-
Kebajikan Mashara-

deram dahulu telah di-
kerana penduduk2-nya
bekerjasama dengan
aan dalam usaha2 me-

namatkan dharurat.
Kerajaan Persekutuan sa-
malam telah mengumumkan
bahawa Lembaga tersebut



telah meluluskan pemberian wang sa-banyak \$105,000 untuk menolong orang2 kampung itu.

Ini ada-lah berikutan dengan satu permintaan dari Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman sendiri kepada Lembaga itu supaya memberi wang sa-banyak \$250 kepada sa-tiap keluarga.



Sa-takat ini, hanya 65 keluarga sahaja yang telah kembali ka-kampung itu yang di-buka sa-mula empat bulan lepas.

Wang perlu

Keluarga2 yang lain, yang berselerak di-seluruh Malaya, sedang di-minta kembali ka-kampung mereka.



Pada masa ini, ada sa-banyak 22 buah kedai2 yang di-buat daripada papan dan beberapa buah rumah atap di-pinggir jalan raya kampung itu dan kebun2 kechil getah sa-luas 1,000 ekar dan sawah padi sa-luas 600 ekar sedang di-kerjakan sa-mula dengan penduduk2-nya menebas lalang dan rumput.



Anggota2 Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu yang di-temui hari ini, menyatakan kepada Berita Harian bahawa wang ada-lah di-perlukan untuk melaksanakan ranchangan kemajuan kampung itu, ia-itu mendirikan sa-buah sekolah baharu, membaki masjid dan membuka tanah.

Menurut mereka, sawah padi tidak boleh di-tanam kerana bekalan ayer kurang sa-kali. Satu ranchangan tali ayer sangat2 di-perlukan

Pencharian



Pada masa ini, mata pencharian orang2 kampung itu ada-lah dengan menureh getah sahaja. Setiausaha Kemajuan Kampung, sa-orang pemuda, Inche Abdul Rahman bin Dasar berkata: "Ka-

mi akan memerlukan segala bantuan yang di-berikan oleh kerajaan."

"Mata pencharian kami sekarang hanya dengan menoreh getah sahaja, tetapi ini tidak-lah boleh di-teruskan hingga bertahun2 kerana pokok2 getah itu banyak yang telah tua. Kami telah meminta bantuan wang untuk menanam sa-mula, tetapi kami telah di-beritahu bahawa kami mesti-lah menebas dahulu lalang sa-belum dapat bantuan tersebut. "Itu tidak-lah boleh kami

lakukan kerana kami akan memerlukan bantuan untuk menebas lalang itu."

Sa-orang ketua kampung, Tuan Haji Abdullah bin Hussein telah merayu kepada kerajaan supaya menolong penduduk2 kampung itu kerana mereka sudah serik di-hukum.

Kata-nya: "Kami telah menderita sa-kali dan sekarang kami mahu bantuan tegas dari kerajaan."

Menteri Basar Selangor, Inche Abdul Jamil bin Abdul Rais telah melawat kampung itu sa-malam.

Orang2 Kampung telah keluar beramai2 dan berkumpul di-mesjid untuk mendengar nasehat-nya. Inche Jamil telah memberitahu mereka bahawa Kerajaan Selangor telah menguntokkan wang sa-banyak \$70,000 untuk kemajuan Kampung Jenderam.


Bacha-lah berita-nya di-muka 5.

KERAJAAN SELANGOR BERJANJI MEMBERI \$70,000 UNTUK KEMAJUAN


Kampung tinggal' gembira sa-mula

**\$105,000 BAGI PENDUDOK2
YG BALEK DARI 'BUANGAN'**





Jenderam dahulu merupakan "Kampung Hantu" tetapi kini ia telah puleh saperti
sediakala. Gambar ini menunjukkan sa-kumpulan orang2 kampung berbual di-
kedai kopi yang dahulu menjadi tempat bermeshuarat.



HAN HAJI ABDULLAH





TUAN ABD. RAHMAN DASAR



Bawah: Satu keluarga biasa di-
Kampung Jenderam.



Kanan: Beberapa orang pemuda
sedang bersiar2 di-jalan raya Kampong.

Bawah: Satu keluarga biasa di-
Kampung Jenderam.

Kanan: Beberapa orang pemuda
sedang bersiar2 di-jalan raya Kampong.

